

# Azmin temui Mahathir perjelas tohmahan

BH 12 APR 2000

KUALA LUMPUR, Selasa — Bekas Setiausaha Sulit Timbalan Perdana Menteri, Mohamed Azmin Ali memberitahu mahkamah, beliau berbincang dengan Datuk Seri Anwar Ibrahim sebelum membuat laporan polis terhadap penerbit dan penulis buku yang dianggap memfitnah keluarganya.

Mohamed Azmin yang menyambung keterangannya di Mahkamah Tinggi hari ini, berkata beliau tidak membaca keseluruhan buku bertajuk, *50 Dalil Mengapa Anwar Tidak Boleh Jadi PM* (Perdana Menteri) sebelum membuat laporan pada 19 Jun 1998 ketika berlangsungnya Perhimpunan Agung Umno.

Mohamed Azmin berkata, beliau hanya membaca kandungan buku itu yang merujuk kepada tohmahan terhadap keluarganya terutama membabitkan dakwaan isterinya berzina dengan Anwar.

Menjawab soalan balas Timbalan Kanan Pendakwa Raya Datuk Abdul Gani Patail, Mohamed Azmin berkata beliau memberitahu Anwar berhubung laporan polis itu.

Katanya, beliau menerima buku itu daripada seorang lelaki yang dikenali sebagai Bakar yang datang ke pejabatnya sebelum bermula Perhimpunan Agung Umno pada Jun 1998.

“Selepas menerima buku itu, saya membaca sebahagian daripada kandungan yang membabitkan tohmahan terhadap isteri saya. Tetapi saya tidak ingat sama ada saya ada menghubungi Anwar menerusi telefon untuk memberitahu perkara itu,” katanya.

Kepada soalan Abdul Gani, Mohamed Azmin memberitahu mahkamah bahawa beliau tidak tahu sama ada Datuk Megat Junid Megat Ayob dan Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Abdul Aziz Shamsuddin membenci beliau dan isterinya.

Mohamed Azmin berkata beliau membangkitkan nama Megat Junid dan Abdul Aziz bertanggungjawab terhadap surat yang ditulis oleh adiknya, Ummi Hafilda dan Azizan Abu Bakar dalam pertemuannya dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sekitar 1997 atau 1998.

Katanya, beliau menemui Dr Mahathir di pejabatnya untuk memberi penjelasan mengenai tohmahan surat itu terhadapnya isterinya.

Menjawab soalan peguam bela Anwar, Christopher Fernando dalam pemeriksaan semula, saksi ke-2 1 pembela itu memberitahu mahkamah bahawa beliau ada memaklumkan kepada Dr Mahathir yang isteri Megat Junid, Ziela Jalilada menerima wang daripada Ummi Hafilda.

“Saya memaklumkan kepada Perdana Menteri bahawa Ziela ada menerima **kickback** (wang sogokan) RM30,000 sebulan daripada Ummi Hafilda,” katanya.

Mohamed Azmin memberi keterangan di depan Hakim Datuk Ariffin Jaka dalam kes liwat membabitkan Anwar dan Sukma Darmawan Sasmitaat Madja terhadap Azizan.

Anwar, 53, dan Sukma Darmawan, 39, dituduh meliwat Azizan di unit nombor 1 O-7-2, pangsapuri Tivoli Villa, Jalan Medang Tanduk, Bangsar, pada satu malam jam 7.45, di antara Januari hingga Mac 1993.

Bagi tuduhan itu, Anwar dan Sukma Darmawan didakwa mengikut Seksyen 377B Kanun Keseksaan yang boleh membawa hukuman penjara 20 tahun dan sebat, jika sabit kesalahan.

Perbicaraan bersambung esok.